

17 JANUARI 2018

Tokan edar 'gula-gula' serbuk khayal

Tokan edar 'gula-gula' serbuk khayal

Kuantan: Tindakan licik seorang lelaki dipercayai pengedar menjual dadah dibungkus menggunakan plastik gula-gula dan turut mempunyai logo halal terbongkar apabila ditahan polis di Taman Pertama di sini, Sabtu lalu.

Taktik suspek berusia 38 tahun menyimpan dadah methamphetamine dalam bekas gula-gula itu bertujuan mengelak kegiatannya dikesan pihak berkuasa.

Timbalan Ketua Polis Pahang Datuk Jamaluddin Kudin berkata, suspek yang mempunyai 14 rekod kesalahan lampau ditahan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri yang melakukan pemeriksaan, jam 4.30 pagi.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan ke atas Perodua Myvi dinaiki suspek, polis



JAMALUDDIN menunjukkan satu paket dadah dibungkus dalam plastik gula-gula berperisa mengandungi serbuk methamphetamine yang dirampas.

menemui satu kotak berwarna perang mengandungi dadah bernilai RM65,500.

"Polis merampas 200 paket dadah methamphetamine seberat 1,660.8

gram, syabu (101.8 gram) dan 500 pil Eramin5," katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang di sini, semalam.

Menurutnya, hasil siasatan lanjut mendapati lelaki berasal dari daerah ini menggunakan taktik meletakkan dadah dalam bungkus seolah-olah gula-gula bagi mengelak kegiatannya dikesan pihak berkuasa.

"Setiap bungkus dadah berkenaan diletakkan dalam plastik gula-gula itu dijual dengan harga RM250 dan boleh digunakan tiga penagih. Pengguna dadah ini akan memasukkannya ke dalam minuman dan ia sering digunakan di pusat hiburan.

"Ada empat bungkus perisa gula-gula digunakan iaitu oren, anggur, strawberi dan nanas," katanya.